

6 mei 2016 mys 25

# Anak yatim teruja dapat air bersih

Utusan Melaka (Dalam Negeri)

**BANDA ACEH, INDONESIA 5 Mei** - Tiada apa yang lebih menggembirakan penghuni Rumah Kebajikan Dayah Nurul Huda di sini apabila menerima kunjungan pelajar Fakulti Teknologi Kejuruteraan Universiti Malaysia Pahang (UMP) dengan membawa kepakaran menyediakan kemudahan air bersih dan elektrik menerusi Misi Kemanusiaan UMP ke Aceh selama empat hari berakhir hari ini.

Pengurus rumah kebajikan itu, **Abu Kushairi Nordin**, 33, berkata, pihaknya amat berbesar hati kerana sejak beroperasi pada Jun 2001, mereka tidak pernah menikmati air yang dijamin tahap kebersihannya.

"Alat penapis sebelum ini terlalu uzur dan ujian yang dijalankan UMP mendapati kualitinya telah terjejas. Begitu juga sumbangan dua unit lampu solar yang pasti dapat menjimatkan kos elektrik sebelum ini," katanya kepada pemberita selepas majlis gotong-royong di rumah kebajikan itu semalam.



Misi memasyarakatkan teknologi itu melibatkan seramai enam mahasiswa UMP, 10 mahasiswa Universitas Syiah Kuala (Unsyiah), 15 ahli Persatuan Wanita UMP (Matahari) dan 11 wakil media dari Malaysia.

Menurut Abu Kushairi, nasib anak yatim di sini amat berbeza dengan di negara lain seperti Malaysia terutama dari segi kemudahan dan pembiayaan.

"Jika di Malaysia, anak yatimnya cukup bertuah terutama di bulan Ramadan yang bukan sahaja di-

jemput berbuka puasa di hotel atau keramaian.

"Sebab itu kami cukup bersyukur dengan kehadiran UMP yang sudi menghulurkan sumbangan dan berkongsi kepakaran dalam mengurangkan beban kami," katanya yang memberitahu terdapat seramai 250 penghuni di rumah kebajikan itu.

Bagi **Rahmawati Fadzi**, 12, dia teruja kerana melalui pemasangan penapis air itu, mereka tidak perlu memasak sebelum diminum seperti kebiasaan.

"Pastinya lebih mudah dan saya gembira," katanya yang menetap di situ sejak tiga tahun lalu.

Rakannya, **Siti Rahmah Sulaiman**, 19, pula berkata, saban tahun pelbagai pihak tampil menyampaikan sumbangan demi kemudahan dan kesejahteraan mereka.

"Sejak lapan tahun tinggal di sini, ini kali pertama saya menggunakan lampu tanpa elektrik. Saya tidak sangka matahari juga mampu menghasilkan arus elektrik," katanya.



**PENGASAS** Rumah Kebajikan Dayah Nurul Huda, Yuhidar Nordin (empat dari kanan) dan sebahagian penghuni mendengar taklimat mengenai sistem penapis air oleh pelajar UMP, Muhammad Asmi Syamim Ahmad Syukri (dua dari kanan) dalam Misi Kemanusiaan UMP ke Aceh, semalam. Turut kelihatan Penasihat Matahari, Datin Fazia Ali (lima dari kanan).